

**TEKS UCAPAN**

**MAJLIS**

**PELANCARAN SAMBUTAN ULANG TAHUN MK KE-60**

**DAN**

**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015**

**OLEH**

**YANG BERHORMAT DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDDIN**

**MENTERI**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGGUNAAN**

**DI**

**AUDITORIUM DATO ABD MAJID**

**MAKTAB KOPERASI MALAYSIA**

**PADA**

**SELASA, 2 FEBRUARI 2016**

**MASA**

**11.00 PAGI**

**BISMILLAHIRAHMANIRAHIM**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH**

**YANG BERHORMAT SENATOR DATO' SRI AHMAD BASHAH BIN MD HANIPAH**

**TIMBALAN MENTERI  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' SRI ALIAS BIN HAJI AHMAD  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN**

**YANG BERBAHAGIA PROF DATUK MOHD YUSOF BIN KASIM  
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH  
MAKTAB KOPERASI MALAYSIA**

**YANG BERUSAHA PROF MADYA DR ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAZAK  
SHAIK  
KETUA PENGARAH  
MAKTAB KOPERASI MALAYSIA**

**KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KPDKKK  
PARA KOPERATOR, WARGA MKM DAN PIHAK MEDIA  
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

**Pendahuluan**

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan keizinannya dapat kita berkumpul pada pagi yang mulia ini di Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun MKM ke-60 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga MKM yang telah berusaha gigih dalam memastikan majlis pada pagi ini berjalan dengan lancar dan sempurna.
2. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua urus setia yang telah berjaya melaksanakan dua program besar MKM dalam satu majlis dan secara tidak langsung menyahut saranan kerajaan dalam mengoptimakan perbelanjaan dalam pengajuran majlis-majlis sambutan di peringkat jabatan dan agensi. Dalam situasi ekonomi yang tidak menentu sejak akhir - akhir ini, langkah penjimatian amat dititikberatkan dan perbelanjaan berhemah menjadi ‘budaya’ dalam setiap aktiviti yang kita laksanakan.
3. Terima kasih juga kepada para hadirin yang hadir pada pagi ini kerana kerjasama serta sokongan yang berterusan dari semua penting bagi kejayaan kita merangsang penglibatan setiap jabatan dan agensi di bawah KPDNKK dan memastikan perkembangan yang positif ini terus mantap dan relevan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

#### **Tanggungjawab MKM dalam gerakan Koperasi**

4. Saya amat berbangga dengan peranan yang dimainkan oleh gerakan koperasi dalam pembangunan sosio ekonomi Negara secara inklusif. Sektor koperasi di Malaysia kini telah mengorak langkah kehadapan dengan menyertai pelbagai bidang komersil berimpak tinggi dan kompetitif. Transformasi dalam gerakan koperasi telah menunjukkan bahawa masyarakat bertambah yakin dengan kemampuan gerakan koperasi untuk menjana pertumbuhan ekonomi Negara. Usaha- usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan

sektor koperasi terus kompetitif dan berdaya saing. Selain itu, pembangunan modal insan dalam gerakan koperasi perlu dibangunkan secara lebih terancang dan berterusan.

5. MKM adalah satu-satunya institut pendidikan dan latihan koperasi di Negara ini. MKM telah diberi tanggungjawab bagi pembangunan modal insan dalam gerakan koperasi. Adalah menjadi harapan saya agar MKM dapat meneruskan agenda pembangunan modal insan sepanjang hayat dan berkeupayaan membina generasi muda yang lebih kompeten dan berdaya saing dalam membantu pencapaian gerakan koperasi di masa hadapan. Sehubungan itu, MKM juga diharap dapat melahirkan lebih ramai golongan muda dalam profesi gerakan koperasi seiring dengan Dasar Koperasi Negara 2011-2020.

6. Ketika ini, MKM sedang melalui proses transformasi MKM. Transformasi ini melibatkan pengstrukturkan baru organisasi yang memberi lebih banyak ruang kepada peranan pendidikan dan latihan MKM sebagai pemancu modal insan koperasi. Di samping melahirkan generasi muda dalam gerakan koperasi masa depan, ia juga sejajar dengan Dasar Koperasi Negara dalam meningkatkan keupayaan modal insan koperasi serta membantu menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM50 Billion menjelang 2020.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

### **Sambutan Ulang Tahun MKM yang ke-60**

7. Saya telah difahamkan bahawa tahun ini MKM akan menyambut ulang tahunnya yang ke-60 iaitu pada 13 November 2016. Bagi tujuan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada MKM yang bakal mencapai usia 60 tahun dan saya juga berharap agar MKM akan terus cemerlang sebagai sebuah pusat pendidikan dan latihan koperasi yang unggul serta dihormati.

8. Untuk menjadi sebuah organisasi yang unggul, MKM telah banyak merentasi perubahan dan menghadapi pelbagai cabaran sejak dari penubuhannya. Perubahan dan cabaran ini telah mengajar MKM dan warga kerja akan erti kesusahan dan keperitan untuk berjaya seperti sekarang. MKM juga telah berusaha keras sejak beberapa tahun yang lalu untuk menjadi sebuah institut pendidikan dan latihan koperasi yang dihormati dan dikangumi serta menjadi pemancu pendidikan dalam gerakan koperasi dan pembangunan modal insan Negara.

9. Sejak itu, MKM telah berjaya membawa perubahan yang positif dalam pembangunan pendidikan dan latihan koperasi dalam gerakan koperasi dengan sentiasa mengambil inisiatif-inisiatif baharu dalam sistem penyampaian perkhidmatannya. Mana kala, pembangunan produk dan perkhidmatannya turut menjadi agenda utama dalam usaha-usaha transformasi MKM hingga ke hari ini. Selain itu, kejayaan yang dikecapi ketika ini banyak dibantu oleh kesungguhan dan kecermerlangan warga kerjanya yang sentiasa berusaha gigih untuk memastikan matlamat dan hala tuju MKM tercapai.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

#### **Anugerah perkhidmatan cemerlang MKM 2015**

10. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah merupakan simbol penghargaan organisasi kerajaan kepada penjawat awam yang telah membuktikan kecermerlangan masing-masing dengan menghasilkan mutu kerja yang melebihi keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Dalam senario perkhidmatan awam masa kini yang sentiasa berubah dengan keperluan untuk memenuhi ekspektasi ‘stakeholder’ dan pelanggan yang semakin kompleks, budaya kecermerlangan merupakan teras kepada kelangsungan perkhidmatan awam. Dalam konteks ini, bagi memastikan peranan perkhidmatan awam terutamanya kredibiliti penjawat awam sentiasa relevan, semua orang perlu menjawab

budaya berprestasi tinggi dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dari segenap aspek.

11. Perkara yang sama turut dilaksanakan oleh MKM, di mana hari ini merupakan hari yang sangat bermakna kepada warga MKM yang terpilih kerana mereka adalah antara warga MKM yang telah melaksanakan tugas dengan baik dan cemerlang sepanjang tahun 2015. Hari ini juga, pihak pengurusan MKM telah memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada 19 orang untuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2015 dan 5 orang untuk Anugerah Ketua Pengarah Tahun 2015 atas sumbangan dan pencapaian cemerlang mereka dalam melaksanakan tugas rasmi, di samping penglibatan aktif dalam kegiatan sukan dan sosial bagi tahun 2015.

12. Sesungguhnya, saya amat berbangga di atas keupayaan warga MKM yang telah berjaya menunjukkan prestasi cemerlang dan berharap ia dapat dijadikan contoh dan dorongan kepada yang lain untuk mengorak langkah yang sama. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM pada hari ini membuktikan bahawa modal insan berprestasi tinggi sentiasa diberikan penekanan di MKM, malahan di dalam seluruh pentadbiran awam di Negara kita. Pemberian pengiktirafan dalam bentuk anugerah kecemerlangan ini merupakan manifestasi keprihatinan pengurusan MKM dan juga kerajaan terhadap modal insan berkualiti serta budaya berprestasi tinggi.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

## **Penutup**

13. Saya berharap agar MKM menjadi sebuah institusi pendidikan dan latihan koperasi yang unggul dalam gerakan koperasi dan peranannya akan terus relevan membangunkan modal insan koperasi dalam pembangunan Negara. Jestrui, MKM perlu terus meningkatkan keupayaan warga kerjanya dengan membudayakan

amalan kerja cemerlang, memperkasa budaya produktif dan inovatif, berprestasi serta berintegriti dalam memikul tanggungjawab. Transformasi yang dilaksanakan oleh MKM akan membuka dimensi baru agar lebih dinamik dan progresif bagi mencapai sasaran keberhasilan utama Dasar Koperasi Negara 2011-2020 dalam meningkatkan keupayaan modal insan koperasi.

14. Sehubungan itu, saya begitu yakin dengan keupayaan MKM dalam pembangunan modal insan koperasi amat tinggi bagi mencapai aspirasi kerajaan dan membantu gerakan koperasi sebagai penyumbang penting dalam pencapaian ekonomi Negara. Saya juga percaya pencapaian MKM akan terus cemerlang dan meningkat di masa hadapan.

15. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada urus setia dan mereka-mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam majlis ini.

16. Sekian. Terima Kasih

Wabillahitaufik Walhidayah Wasamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.